



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 32 /2024

KEWAJIPAN NAFKAH KEPADA AHLI KELUARGA

9 Ogos 2024

Bersamaan

4 Safar 1446

DIKELUARKAN OLEH:

JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ الرَّحْمٰنِ، فَإِنِّي أُوصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ عَزَّ وَجَلَّ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Saudaraku jamaah yang diberkati Allah taala sekalian,

Marilah kita meneruskan amalan-amalan soleh dan ketaqwaan kepada Allah Taala pada setiap masa dan ketika, di mana sahaja kita berada, mudah-mudahan kita diberkatiNya sentiasa.

Khutbah pada hari Jumaat yang berbahagia ini bertajuk :

“KEWAJIPAN NAFKAH KEPADA AHLI KELUARGA”.

Kaum Muslimin yang dimuliakan,

Islam menetapkan bahawa suami diamanahkan sebagai seorang ketua dan pemimpin kepada sesebuah keluarga. Dia bertanggungjawab menjaga dan memelihara maruah serta kelangsungan hidup keluarganya dengan memberikan perbelanjaan (nafkah) yang mencukupi kepada mereka yang berada di bawah tanggungannya.

Firman Allah taala dalam surah An-Nisa' ayat 34:

الرِّجَالُ قَوَّمُوكُ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا
أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Maksudnya: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka".

Hadirin yang diberkati Allah taala,

Pemberian nafkah seorang suami kepada isteri dan anak-anaknya merangkumi makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan, pendidikan, dan seumpamanya mengikut kemampuan suami dan adat kehidupan sesebuah masyarakat.

Keengganan melaksanakan kewajipan memberi nafkah terhadap isteri dan keluarga adalah suatu kesalahan dan perbuatan dosa yang bakal menyebabkan seseorang suami boleh dikenakan tindakan di sisi undang-undang dan balasan buruk di Akhirat kelak.

Baginda Nabi saw bersabda :

"كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَقْوُتُ"

Maksudnya: "Cukuplah seorang lelaki itu dikira berdosa apabila dia mengabaikan tanggungjawab ke atas sesiapa yang berada di bawah tanggungannya." (Hadis riwayat Ahmad, Abu Dawud dan lainnya).

Muslimin sekelian,

Amat mendukacitakan apabila kedapatan sebahagian para suami - dewasa ini – yang secara sengaja mengabaikan kewajipan memberikan nafkah kepada isterinya dan cuai dalam perbelanjaan anak-anak yang masih belum mencapai umur dewasa.

Banyak faktor yang menyumbang kepada pengabaian nafkah terhadap isteri dan anak-anak, antaranya disebabkan suami tidak menunaikan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga. Perlu juga diingatkan bahawa suami masih wajib memberikan nafkah kepada isteri yang masih dalam edda talak rajie atau mengandung. Manakala nafkah seorang bapa kepada anak-anaknya, setelah berlaku sesuatu perceraian dengan isterinya, adalah berterusan sehingga usia lapan belas tahun, atau boleh dilanjutkan lagi atas perintah mahkamah.

Ingatlah bahawa setiap kita -para suami- bakal diperhitung setiap amalan kita di Akhirat kelak dan akan dibalasi tindak tanduk kita mengikut pelaksanaan tanggungjawab terhadap keluarga kita.

Sidang Jamaah yang diberkati Allah taala,

Seorang suami yang beriman tidak akan sesekali mengabaikan tanggungjawabnya terhadap isteri dan anak-anaknya. Apatah lagi

mencuaikan kewajipannya dalam membimbing ahli keluarganya ke arah kehidupan yang dipenuhi dengan keimanan, selesa dan sejahtera.

Ikutilah Baginda Nabi saw yang telah menunjukkan contoh terbaik kepada umat Islam dalam menjaga, memelihara dan melayani isteri-isterinya serta membantu mereka dalam pengurusan rumahtangga.

Sabda Baginda saw :

خَيْرُكُمْ خَيْرٌ كُمْ لِأَهْلِهِ، وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Maksudnya : Sebaik-baik kamu adalah yang melakukan kebaikan terhadap keluarganya dan saya adalah yang terbaik daripada kalangan kamu dalam melakukan kebaikan terhadap keluarga saya. [Hadis riwayat at-Tarmizi].

Muslimin sekalian,

Dalam menunaikan tanggungjawab terhadap isteri dan anak-anaknya, seorang suami atau bapa dilarang sama sekali untuk bertindak kasar terhadap keluarganya seperti menampar, memukul, menyepak, mendera dan sebagainya.

Penderaan fizikal atau mental isteri dan anak-anak perlulah dijauhi, kerana ia merupakan suatu kesalahan di sisi undang-undang dan juga perbuatan dosa yang akan dihisab di Akhirat.

Kehidupan berkeluarga terbina atas dasar kasih sayang dan rahmat. Tidaklah menjadi suatu kesalahan, sekiranya isteri membantu suami dalam urusan rumahtangga bagi mengurangkan beban tanggungan nafkah. Justeru, kesedaran dan kesefahaman antara pasangan hidup amat perlu

dalam mengatur kehidupan yang sejahtera melalui perbelanjaan yang berhemat tanpa boros dan menjauhi sifat bakhil.

Sidang Jamaah yang dirahmati Allah sekalian,

Sebagai kesimpulan dari khutbah hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita bersama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang dibacakan tadi:

Pertama: Memberi nafkah merupakan antara tanggungjawab utama seorang suami kepada isteri dan anak-anaknya.

Kedua: Seorang suami yang beriman akan menjaga kebijakan isteri dan anak-anaknya dengan penuh rasa tanggungjawab.

Ketiga: Mengabaikan tanggungjawab memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak adalah berdosa dan akan dipersoalkan di hari Akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لِنُفِقَ ذُو سَعْةٍ مِنْ سَعْتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلَا يُنْفِقَ مِمَّا أَنْهَ اللَّهُ لَا يُكْلِفُ
 اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا أَتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Maksudnya: “Hendaklah orang yang mampu, memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (menurut kemampuan); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam

kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.” (surah al-Talaq ayat 7)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحْمَكُمُ اللّٰهُ،

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Khatib menyeru kepada sidang jumaat sekalian, marilah sama-sama kita imarahkan masjid ini dengan menunaikan solat berjemaah. Sesungguhnya solat berjemaah mempunyai banyak fadhilat dan hikmahnya.

Justeru, janganlah tuan-tuan menangguh-nangguhkan untuk datang ke masjid. Bawalah anak-anak kita, ajaklah jiran tetangga dan ahli qaryah kita untuk sama-sama mengimarahkan masjid ini. Mudah-mudahan usaha kita ini mendapat rahmat, keampunan dan keredhaan daripada Allah di dunia dan akhirat.

Begitu juga, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

٥٦ إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْمِيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ وَسَلَامُهُ أَتَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبُّ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرُفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ رَيْنَ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهَ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغُّبَكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَغْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذْلِّ الْمُعْتَدِلِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

Ya Allah,

Kami memohon hidayah dan petunjuk ke jalan kebenaran. Tetapkanlah iman kami di dalam agama-Mu. Basahilah lidah kami dengan bacaan al-Quran dan zikir kepada-Mu. Jadikanlah akhlak junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebagai ikutan kami. Pereratkanlah hubungan sesama kami, saling bekerjasama dan bantu membantu dalam kebijakan dan taqwa.

Ya Allah

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Buka kakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa ju kemurkaan-Mu.

Ya Allah,

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami di sana.

آمين يا الله، يا رب العالمين

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.